

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 22 JULAI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MTDC Urus dana RM600 juta bantu syarikat teknologi tinggi	Berita Harian
2.	Banyak syarikat belum sedia hadapi ancaman siber:CSM	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B2
TARIKH: 22 JULAI 2015 (RABU)

MTDC urus dana RM600 juta bantu syarikat teknologi tinggi

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) mengurus dana berjumlah RM600 juta bagi membantu meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan perniagaan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus, berkata dalam mencapai Wawasan 2020, antara komponen utama ialah mewujudkan lebih banyak syarikat berteknologi tinggi dan melahirkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dan pendapatan tinggi.

Beliau berkata, MTDC telah berkembang dan berinovasi, daripada modal teroka kepada usaha membantu syarikat yang memerlukan dana untuk melabur, selain membantu syarikat teknologi dalam pelbagai peringkat pertumbuhan, daripada syarikat mula beroperasi, perkembangan dan syarikat yang melebarkan sayap ke luar negara.

"Kami memberi peluang kepada syarikat untuk mengakses pelbagai kedudukan yang berbeza, jenis yang berlainan serta gabungan pembiayaan yang berbeza juga adalah satu inovasi," katanya dalam temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Urus lima dana

Norhalim berkata, MTDC kini menguruskan lima dana - Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (CRDF), dana Pengambilalihan Teknologi (TAF), Dana syarikat Perniagaan Baharu (BSF), Dana Pertumbuhan Perniagaan (BGF) dan Dana Pengembangan Bumiputera (BEF). Beliau berkata CRDF dan TAF diberikan dalam bentuk geran, kepada syarikat yang berhasrat mengkomersilkan R&D dari universiti dan institusi penyelidikan tempatan selain untuk memudahkan perolehan teknologi asing untuk digabungkan dalam aktiviti pembuatan.

"Dana selebihnya adalah dalam bentuk 'quasi-equity', dengan MTDC memiliki beberapa saham keutamaan boleh tebus dalam syarikat-syarikat pelaburannya, yang secara umum sebanyak 30 peratus, dan boleh ditebus apabila syarikat-syarikat mahu berbuat demikian," katanya.

Bagi peruntukan dana, beliau berkata CRDF dan TAF adalah dari MOSTI manakala BGF dan BSF dari Kementerian Kewangan dan BEF daripada Unit Pemandu Agenda Bumiputra (Teraju) kerajaan.

Ia disediakan dan diperuntukkan setiap dua tahun memandangkan ia adalah berdasarkan pelan pelaksanaan, katanya.

Pada tahun 2015, MTDC masih mempunyai peruntukan sebanyak RM206.8 juta untuk disalurkan melalui lima dana, kata Norhalim, sambil menambah bahawa RM23.04 juta telah dikeluarkan kepada 11 syarikat setakat ini dan masih ada baki RM183.76 juta untuk diluluskan.

Khidmat tambah nilai

Bagi meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan syarikat kecil dan sederhana, selain menyediakan dana, agensi itu mewujudkan jabatan perkhidmatan tambah nilai bagi membantu syarikat membangunkan perniagaan, pemasaran dan pengumpulan dana jika syarikat memerlukan lebih daripada yang telah disediakan oleh MTDC, katanya.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH: 22 JULAI 2015 (RABU)

Banyak syarikat belum sedia hadapi ancaman siber: CSM

Kurang kesedaran dan tidak peka terhadap pelaburan untuk meningkatkan keselamatan siber, antara punca utama banyak syarikat tidak bersedia untuk menghadapi ancaman siber.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Dr Amirudin Abdul Wahab (**gambar**), berkata kebanyakan syarikat sentiasa melihat keselamatan siber sebagai kos dan bukannya pelaburan perniagaan.

Beliau berkata keselamatan siber bukan hanya masalah teknikal malah perlu dilihat sebagai isu secara meluas memandangkan ia melibatkan organisasi dan negara.

"Keselamatan siber perlu dilihat sebagai aset penting yang perlu disepadukan ke dalam syarikat secara menyeluruh atau sebagai ekosistem dalam talian negara.

"Keselamatan siber harus menjadi sebahagian daripada rutin. Malangnya, syarikat masih melihatnya (keselamatan siber) sebagai kos dan bukannya pemboleh perniagaan yang dapat membantu mencegah kemerosotan ke atas prestasi syarikat," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Tawar program latihan

Amirudin berkata, CSM mempunyai keupayaan untuk menangani serangan dan ancaman siber, dan syarikat itu terus-menerus menawarkan program latihan pada kos yang berpatutan sebanyak RM3,000 seorang berbanding syarikat swasta atau antarabangsa yang menawarkan program yang sama pada kos antara RM7,000 dan RM9,000 seorang.

"Setiap tahun, CSM menganjurkan anugerah Cyber Security Malaysia, persidangan dan pameran untuk meningkatkan kemahiran serta mengembangkan pengetahuan profesional keselamatan siber, dan mereka (syarikat) perlu mengambil peluang untuk menyertainya.

"Kami bukan sahaja memberi tumpuan kepada syarikat malah membukanya kepada orang ramai yang boleh memperoleh pengetahuan mengenai program siber yang selamat," kata Amiruddin.

Kes siber yang dilaporkan antara Januari dan Mei 2015 meningkat 11.27 peratus kepada 4,581 kes berbanding 4,117 kes yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Beliau berkata, peningkatan dalam jumlah kes menunjukkan bahawa pakar keselamatan siber di Malaysia masih belum mencukupi untuk mencapai ekosistem internet yang lebih selamat.

Sehingga kini terdapat hanya 4,002 pakar keselamatan siber yang diiktiraf, nisbah satu kepada 6,200 penduduk.

"Kami menyasar sekurang-kurangnya 14,000 pakar keselamatan siber pada 2020 untuk berkhidmat pada nisbah satu kepada 1,500 penduduk," katanya.